

MEMO

TARIKH: Rabu, 17 Februari 2021
KEPADA: **YBhg. Dato' Abdul Latif Bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah
MPC

DARIPADA: **Encik Mohammad Khairul Hakimin Bin Zainoor**
Pengurus
Bahagian PCD

MELALUI: **Encik Mohamad Azrol Mohamad Dali**
Timbalan Pengarah
Bahagian PCD

PERKARA: **PERTIMBANGAN KELULUSAN PEMBAYARAN (ERO) BAGI PENULIS
SPEECH INPUT DAN MINIT MESYUARAT TWGDCP BIL 1/2021 (PN
JAMALIAH DAUD)**

YBhg Dato',

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Mesyuarat TWGDCP Bil 1/2021 telah diadakan pada 29 Januari 2021 secara *online*. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, KSU KPKT, dan dihadiri oleh seramai 53 orang ahli mesyuarat yang terdiri dari pihak sektor awam dan swasta.

3. Bagi mesyuarat ini, seorang penulis minit mesyuarat dan input ucapan telah dilantik bagi melaporkan perbincangan semasa mesyuarat dilangsungkan. Walau bagaimanapun, atas kesilapan pihak kami berlaku sedikit kepincangan dalam proses pengisian eRO dimana butiran perolehan tidak seragam dengan sebutharga pembekal. Oleh yang demikian, permohonan perolehan tersebut perlu dibatalkan dan permohonan baru perlu dibuat (diluar tempoh yang dibenarkan).

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon pertimbangan dari YBhg. Dato' untuk sokongan dan kelulusan pembayaran bagi perolehan yang dinyatakan ini.
5. Pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.


Disediakan oleh:

Hakimin

**(MOHAMMAD
KHAIRUL HAKIMIN
BIN ZAINOOR)**

Pengurus
Tarikh: 17.2.2021

Disemak oleh:



**(MOHAMAD AZROL
MOHAMAD DALI)**

Timbalan Pengarah
Tarikh: 17.2.2021

Diluluskan/ Tidak diluluskan



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah MPC
Tarikh: 18.2.2021